UNTUK SIARAN SEGERA

KEPADA: EDITOR

MCMC BERKOLABORASI DENGAN RAKAN STRATEGIK DIGITAL PERAK DALAM PROGRAM PEMBANGUNAN KAPASITI KECERDASAN BUATAN (AI) BAGI RAKYAT PERAK

IPOH, 24 Ogos 2024 -- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) bersama-sama rakan pelaksana Biji-Biji Initiative dan Pejabat Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi, Multimedia dan NGO Negeri Perak melalui *Digital Perak Corporation Holdings* (Digital Perak) telah menganjurkan Program MCMC Microsoft AI TEACH, iaitu pembangunan kapasiti kecerdasan buatan (AI) kepada warga Perak.

Program selama dua hari ini berlangsung di Hub Inovasi & Multimedia (HiM) Digital Perak dan Universiti Teknologi Petronas (UTP) serta di Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) yang terpilih, iaitu NADI Kampung Datuk Ahmad Said Tambahan 2 dan NADI Taman Klebang Utama. Program ini juga dijangka dapat membawa manfaat kepada lebih 200 peserta.

Matlamat program berkenaan adalah untuk memperkasakan peluang kerjaya bagi warga Perak menerusi pemantapan serta pensijilan dalam satu daripada kemahiran teknologi digital Revolusi Industri 4.0, iaitu Kecerdasan Buatan (AI). Selepas tamat latihan, para peserta akan menerima sijil penyertaan dan sokongan penempatan pekerjaan dengan kerjasama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan seterusnya memperkukuhkan kemasukan mereka ke dalam ekonomi digital.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi, Multimedia dan NGO Negeri Perak, YB Mohd Azlan Helmi, “Program pembangunan kapasiti AI di Perak dilaksanakan tepat pada masanya kerana salah satu daripada komponen penting dalam pembangunan ekonomi digital negeri adalah ‘Rakyat Pintar (*Smart People*).’ Ujarnya, tindakan ini juga adalah sejajar dengan Teras Strategik Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Perak 2023-2030 yang keempat, iaitu ‘Masyarakat diperkasa pendigitalan’.

Dalam pada itu, tegas YB Mohd Azlan, program ini bukan sahaja memperkenalkan kemahiran teknologi AI kepada warga Perak secara mudah dan berkesan, tetapi turut membantu kumpulan B40, golongan Orang Kurang Upaya (OKU), dan pengganggur dengan mengurangkan jurang kerjaya melalui pengajaran dan pembelajaran set kemahiran digital yang baharu.

Pada masa yang sama, jelas beliau, Kerajaan Negeri Perak sedang giat bekerjasama dengan MCMC dan pemain industri untuk memudah cara dan mempercepat inisiatif-inisiatif Bandar Pintar di Ipoh, melalui Pelan Tindakan Bandar Pintar (*Smart City*) Negeri Perak 2040 sebagai dasar serta panduan untuk mengguna pakai teknologi digital, IR 4.0 dan Data Raya demi kesejahteraan bandar dan warga Perak menjelang 2040.

Hadir sama ke majlis perasmian Program MCMC Microsoft AI TEACH adalah Pengarah Negeri MCMC Perak, Encik Mohd Irwan Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif Digital Perak, Encik Mohamad Suhaimi Mohamad Tahir, Ketua Pegawai Perkhidmatan Sokongan Universiti Teknologi PETRONAS, Hj. Muhammad Syazwan Amarjit Abdullah dan Pengarah PERKESO Negeri Perak, Encik V. Mohanadas.

MCMC telah menjalinkan kerjasama strategik 'MCMC – MICROSOFT AI TEACH' ini bersama-sama Microsoft Malaysia melalui satu memorandum persefahaman (MoU) yang dimeterai pada 20 Jun 2024 lalu.

-TAMAT-

Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) adalah sebuah badan statutori yang diasaskan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (ASKMM) 1998 yang melaksanakan matlamat dasar kebangsaan untuk sektor komunikasi dan multimedia. MCMC mengawal selia dan membangunkan industri komunikasi dan multimedia, yang meliputi telekomunikasi, penyiaran, dan aktiviti-aktiviti dalam talian, perkhidmatan pos dan pensijilan digital. Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998) memperuntukkan bahawa MCMC memikul peranan pelaksanaan dasar, manakala dasar pembuatan keputusan diberikan kepada Menteri. MCMC juga mempunyai tanggungjawab untuk perkhidmatan pos dan pensijilan digital di bawah Akta Perkhidmatan Pos (PSA) 2012 dan Akta Tandatangan Digital (DSA) 1997.

Untuk maklumat lanjut, layari www.mcmc.gov.my

Mengenai Digital Perak Corporation Holdings

Digital Perak Corporation Holdings (Digital Perak) [Dahulunya dikenali sebagai KPerak Implementation and Coordination Corporation] adalah sebuah syarikat berhad menurut jaminan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, di bawah Akta Syarikat 2016 dan telah menjadi sebahagian daripada kumpulan syarikat Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk) sejak 9 November 2023. Digital Perak berperanan utama menerajui peralihan sebagai agensi pembangunan yang menerajui agenda ekonomi digital Negeri Perak dengan memperkasa dan membantu transformasi digital dalam semua sektor melalui 4 unit teras iaitu: Agensi Penyelaras Infrastruktur Telekomunikasi (APiT), Technology and Development Services (TDS), Hub Inovasi & Multimedia (HiM) and Creative Multimedia Services (CMS).

Untuk maklumat lanjut mengenai Digital Perak, sila layari www.digitalperak.com.my

###

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Strategik
DIGITAL PERAK CORPORATION HOLDINGS

dan

Komunikasi Korporat MCMC

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Encik Meor Rezal Fitri bin Dato' Dr. Meor Redwan
Pengurus Besar
Digital Perak Corporation Holdings
Emel: rezal.redwan@digitalperak.com.my

60 3 8688 8000
corporate.communications@mcmc.gov.my